

ORIGINAL ARTICLE



MJSSH
Muallim Journal of
Social Science and Humanities

TAHAP PENGGUNAAN APLIKASI GOOGLE CLASSROOM DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KINTA, PERAK

LEVEL OF USE OF GOOGLE CLASSROOM APPLICATION AMONG PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN KINTA DISTRICT, PERAK

Menu Mohan ^{*1}; Rameshraaj Murugan²

¹ Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: menumohan20@gmail.com

² Department of Educational Studies, Faculty of Human Development, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Email: rameshraajmurugan24@gmail.com

*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/227>

Abstract

The use of technology in teaching and learning can engage students in a variety of activities and help them learn more than the basic information found in textbooks. This study was conducted to analyse the use of Google Classroom application in the learning process in primary schools. The objective of this study was to identify the level of use of Google Classroom application in teaching and learning process by primary school teachers. A total of 100 teachers who teach in Kinta Utara district schools, Perak using the Google Classroom application were used as respondents to collect information. This study is a quantitative study. A Likert -scale questionnaire was used as a research instrument to determine the level of use of the Google Classroom application. This study is descriptive and computer analysis was performed using SPSS software version 24.0 to obtain an accurate percentage of data. The results of the analysis showed that 61 teachers (61.0%) use Google Classroom to a moderate level. Although 10 teachers (10.0%) were at a relatively high level, only 29 teachers (29.0%) had a low Google Classroom usage rate. Mean scores and standard deviations for aspects of the level of use of Google Classroom in teaching and learning process by primary school teachers were at a moderate level (mean = 2.69, sp = 0.951). Due to this, the school plays a role in ensuring that all ICT facilities in the school are complete to improve teachers' skills in using ICT and reduce teachers' workload.

Keywords: usage level, teaching and learning, Google Classroom app, teacher, primary school

Abstrak

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat melibatkan murid-murid dalam pelbagai aktiviti dan membantu mereka mempelajari lebih dari maklumat asas yang terdapat dalam buku teks. Kajian ini telah dijalankan bagi menganalisis penggunaan aplikasi Google

Classroom dalam proses PdP di sekolah rendah. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam PdP oleh guru-guru sekolah rendah. Seramai 100 orang guru yang mengajar di sekolah daerah Kinta Utara, Perak dengan menggunakan aplikasi Google Classroom telah digunakan sebagai responden bagi mengumpul maklumat. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kuantitatif. Borang soal selidik yang berskala likert telah digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengetahui tahap penggunaan aplikasi Google Classroom. Kajian ini bersifat deskriptif dan analisis komputer dilakukan dengan menggunakan perisian SPSS versi 24.0 untuk mendapatkan peratusan data yang tepat. Hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan guru (iaitu 61 (61.0%)) menggunakan Google Classroom hingga tahap sederhana. Walaupun 10 guru (10.0%) berada pada tahap yang agak tinggi, hanya 29 guru (29.0%) yang mempunyai kadar penggunaan Google Classroom yang rendah. Skor min dan sisihan piawai bagi aspek tahap penggunaan Google Classroom dalam PdP oleh guru-guru sekolah rendah adalah berada pada tahap sederhana (min=2.69, sp=0.951). Oleh hal yang demikian ini, pihak sekolah memainkan peranan dalam memastikan segala kemudahan ICT di sekolah adalah lengkap bagi meningkatkan kemahiran guru menggunakan ICT dan mengurangkan bebanan kerja guru.

Kata kunci: tahap penggunaan, pengajaran dan pembelajaran (PdP), aplikasi Google Classroom, guru, sekolah rendah

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 30th July 2022, revised 5th September 2022, accepted 2nd October 2022

Pengenalan

Abad ke-21 telah dilabelkan sebagai abad keterbukaan atau abad globalisasi. Hal ini membawa maksud bahawa kehidupan manusia pada abad ke-21 mengalami perubahan-perubahan utama yang berbeza dengan cara kehidupan dalam abad sebelumnya. Etistika Yuni Wijaya et al. (2016)¹ mengatakan bahawa abad ke-21 adalah abad yang mementingkan kualiti dalam segala usaha dan hasil kerja manusia. Justeru itu, tidak dapat dinafikan jika mengatakan bahawa abad ke-21 mementingkan sumber manusia yang berkualiti, yang dihasilkan oleh lembaga-lembaga yang dikelola secara profesional sehingga membuahkan hasil yang tinggi. Oleh itu, kerajaan Malaysia telah membawa perubahan yang mengejutkan terhadap sistem pendidikan negara. Walaupun abad ke-21 adalah milenium kedua dari 1 Januari 2000 hingga 31 Disember 2099, "Pembelajaran Abad ke-21" (PAK-21) tidak menjadi arus perdana hingga 2013, ketika fokusnya adalah untuk melaksanakan 2013- 2025 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). (KPM, 2013)². PPPM menekankan bahawa mengubah sistem pendidikan untuk meningkatkan tahap pembelajaran pelajar memerlukan kaedah baru untuk menyediakan setiap rakyat Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan untuk abad ke-21; dan mengembangkan kemahiran abad ke-21 dengan pemikiran kritis dan kreatif, dan mendorong pelajar untuk berkembang dalam semua aspek Keperibadian untuk menghadapi cabaran ekonomi abad ke-21 (KPM, 2013)².

Pelaksanaan pendidikan pada abad ke-21 menekankan penyatuan teknologi ke dalam proses pengajaran. Aspek teknikal telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah untuk memupuk

dan memupuk minat dan sikap positif terhadap proses pengajaran (Masyuniza Yunos, 2015)³. Zamri (2012)⁴ percaya bahawa bentuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) pada abad ke-21 masih berpusatkan guru, tetapi guru memainkan peranan yang lebih penting dalam membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran. Dalam kes ini, pelbagai aplikasi pendidikan telah diperkenalkan untuk membolehkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran.

Penggunaan Aplikasi Google Classroom

Pelbagai aplikasi pendidikan telah diperkenalkan untuk membolehkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran (Smith, 2018)⁵. Aplikasi Google Classroom merupakan satu aplikasi untuk guru-guru membuat kelas digital kepada murid-murid dan membolehkan murid-murid berkomunikasi dengan guru dan rakan sebaya mereka (Phan, 2015)⁶. Aplikasi Google Classroom merupakan aplikasi percuma yang mengintegrasikan e-mel dan dokumen untuk disimpan ke dalam stor. Guru boleh memuat naik fail, video, pautan, pengumuman dan tugas untuk murid-murid membaca dan menyiapkannya. Aplikasi Google Classroom ini boleh diakses menggunakan mana-mana peranti di mana-mana tempat, yang sesuai oleh kedua-dua pihak iaitu guru dan murid-murid. Kathleen (2016)⁷ menyatakan bahawa aplikasi Google Classroom membolehkan murid-murid berinteraksi dan membincangkan topik yang dipelajari di kelas. Guru-guru pula dapat melihat perbincangan murid-murid dan memberi maklum balas kepada mereka. Aplikasi Google Classroom juga membolehkan guru-guru memberikan tugas yang berbeza seperti menyiarkan video, persembahan PowerPoint, dokumen dan web (Kaviza, 2020)⁸. Dengan ini, murid-murid akan berasa lebih seronok dan berminat terhadap pembelajaran mereka.

Penggunaan teknologi terutamanya aplikasi Google Classroom dalam pembelajaran adalah lebih efisien, terancang dan bersesuaian dengan objektif pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan PdP (Okmawati, 2020)⁹. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan aplikasi ini dalam kalangan guru-guru, sejauh mana faktor seperti infrastruktur, kemahiran dan sikap guru mempengaruhi penggunaan aplikasi Google Classroom serta mengenal pasti hubungan antara penggunaan aplikasi Google Classroom dengan faktor yang mempengaruhinya dari segi infrastruktur, kemahiran dan sikap guru.

Objektif kajian

Mengenal pasti tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah rendah.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kajian tinjauan yang berbentuk kuantitatif. Pendekatan kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik untuk mengenal pasti faktor demografi responden, tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam kalangan guru-guru sekolah rendah. Responden kajian ini pula terdiri daripada guru-guru sekolah rendah yang mengajar dengan menggunakan aplikasi Google Classroom. Guru-guru akan menandakan borang soal selidik yang berskala likert bagi menjawab borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Pengkaji

memilih 100 guru sekolah rendah di daerah Jinta Utara, yang menggunakan aplikasi Google Classroom dalam pengajaran mereka. Kaedah persampelan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini adalah kaedah persampelan bertujuan. Pengkaji menentukan bahawa hanya guru yang menggunakan aplikasi "Google Classroom" dalam pengajaran mereka yang dipilih sebagai subjek kajian.

Dapatan Kajian

Persoalan Kajian: Tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah rendah?

Jadual 4.1

Kekerapan dan peratusan bagi tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah rendah

Nilai Min	Kekerapan	Peratus (%)	Tahap
1.00 – 2.33	29	29.0	Rendah
2.34 – 3.66	61	61.0	Sederhana
3.67 – 5.00	10	10.0	Tinggi

Menurut penjelasan skor purata, tahap dibahagikan kepada tiga tahap: tinggi, sederhana dan rendah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Secara keseluruhan, hasil analisis menunjukkan bahawa kebanyakan 61 guru (61.0%) menggunakan Google Classroom hingga tahap sederhana. Walaupun 10 guru (10.0%) berada pada tahap yang agak tinggi, hanya 29 guru (29.0%) yang mempunyai kadar penggunaan Google Classroom yang rendah.

Jadual 4.3

Skor min dan sisihan piawai bagi aspek tahap penggunaan Google Classroom

Item	Min	SP	Interpretasi
Menggunakan aplikasi Google Classroom sepenuhnya dalam sesi PdP	2.86	0.876	Sederhana
Membuat pengumuman berkaitan pengajaran dalam Google Classroom	2.79	0.945	Sederhana
Memberikan tugas kepada pelajar melalui Google Classroom	2.81	1.001	Rendah
Menggunakan aplikasi Google Classroom untuk sesi ulangkaji pelajaran	2.67	0.985	Sederhana
Berkomunikasi dengan pelajar melalui Google Classroom	2.57	0.923	Sederhana
Membuat perbincangan bersama pelajar di dalam Google Classroom	2.49	0.915	Sederhana
Melihat hasil kerja pelajar termasuk memberikan markah, komen dan mengedit melalui Google Classroom	2.66	0.934	Sederhana

Berkongsi maklumat dan sumber tambahan kepada pelajar melalui Google Classroom	2.67	1.035	Rendah
Jumlah	2.69	0.951	Sederhana

Seterusnya dihuraikan secara terperinci maklum balas responden berdasarkan item-item dalam bahagian tahap penggunaan aplikasi Google Classroom seperti yang ditunjukkan pada Jadual 4.2. Hasil analisis menunjukkan hampir kesemua item berada pada tahap sederhana kecuali item memberikan tugas kepada pelajar melalui Google Classroom dan berkongsi maklumat dan sumber tambahan kepada pelajar melalui Google Classroom, item berada pada tahap rendah. Secara keseluruhan, tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah rendah adalah berada pada tahap sederhana (min=2.69, sp=0.951).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tahap penggunaan aplikasi Google Classroom dalam sesi pengajaran dan pembelajaran oleh guru-guru sekolah rendah berada pada tahap sederhana iaitu (min=2.69, sp=0.951). Oleh yang demikian, dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian terdahulu. Hapini et al. (2019)¹⁰ dalam kajiannya terhadap persediaan sekolah bagi mengaplikasikan pengajaran secara Virtual Learning Environment (VLE) mendapati hanya dua daripada lima sekolah mempunyai dokumen rancangan strategik VLE. Salah satu sekolah didapati menyesuaikan dokumen perancangan strategik VLE dari sumber luaran dengan mengubahnya agar sesuai dengan persekitaran sekolah, sementara sekolah lain menggunakan dokumen tersebut tanpa pindaan lebih lanjut. Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah belum bersedia untuk memulakan pembelajaran secara VLE dengan cara yang betul dan sistematik. Perancangan yang kurang sistematik mungkin boleh mengurangkan tahap penggunaan aplikasi Google Classroom di sekolah kerana guru-guru dan juga pentadbir belum membuat persiapan yang rapi bagi melaksanakan pembelajaran secara VLE ini.

References:

1. Etistika Yuni Wijaya, Dwi Agus Sudjimat, Amat Nyoto. (2016). *Transformasi Pendidikan abad 21 sebagai tuntutan pengembangan sumber daya manusia di era global*. Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Matematika, 1: 263-278.
2. Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025: Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Yunos, M. (2015). *Hubungan sikap dan persepsi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu dengan kemahiran abad ke-21*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 5(2): 22-30.
4. Zamri, M. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
5. Smith, J., & Smith, A. (2018). *How google classroom is transforming technology use in education*. Edulearn Proceedings. <https://doi.org/10.21125/edulearn.2018.1533>
6. Phan, W. (2015). *Head Back to School with new features in Google Classroom*. Google for Education. Available: <http://googleforeducation.blogspot.com/2015/08/headback-to-school-with-new-features-in-Google-Classroom.html>

7. Kathleen, M. (2016). *The effects of Google Classroom on teaching social studies for students with learning disabilities*. Rowan University. (Unpublished Master thesis)
8. Kaviza, M. (2020). *Satu Tinjauan Terhadap tanggapan guru-guru Dalam Penggunaan platform Google classroom bagi proses Pembelajaran Sejarah*. Journal of ICT In Education, 7(2), 74–80. <https://doi.org/10.37134/jictie.vol7.2.7.2020>
9. Okmawati, M. (2020). *The use of Google Classroom during pandemic*. Journal of English Language Teaching, 9(2), 438. <https://doi.org/10.24036/jelt.v9i2.109293>
10. Hapini, A., Zahurin, M. A., Wan Rozaini, S. O., Aidayani, A. N., Mazlida, M. D., & Wan Yusof, W. H. (2019). *Virtual Learning Environment (VLE) implementation strategy: An analysis of practicality for Google Classroom implementation in Malaysian schools*. Journal of Educational Research & Indigenous Studies, 2(1). https://www.researchgate.net/publication/335834482_Virtual_Learning_Environment_VLE_Implementation_Strategy_An_Analysis_of_Practicality_for_Google_Classroom_Implementation_in_Malaysian_Schools